

SOALAN NO: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD

TARIKH: 28 NOVEMBER 2017

SOALAN:

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan selepas bersara ataupun pencen, bagi para pekerja yang tidak ditimpa musibah atau kemalangan selama tempoh perkhidmatan mereka, apakah **PERKESO** akan membayar balik wang-wang caruman pekerja dan sekiranya ada, bagaimanakah proses yang perlu dibuat oleh para pekerja untuk mengeluarkan atau menuntut semula wang yang telah di carum selama tempoh perkhidmatan tersebut.

PR-1353-L03132

103:

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada masa ini, caruman pekerja pada kadar 0.5% dan majikan sebanyak 1.75% pada tahap siling gaji caruman bulanan pekerja terhadap kepada RM4,000.00 adalah berdasarkan kepada prinsip '*pooling of resources and sharing of risks*' dan caruman tidak dapat dikembalikan kerana dana sedia ada ini akan digunakan untuk membayar tuntutan kepada pencarum yang ditimpa kemalangan termasuk waris tanggungan sekiranya pencarum meninggal dunia.
2. Sekiranya Orang Berinsurans terlibat kemalangan, keilangan atau meninggal dunia, maka atas konsep perkongsian risiko inilah pekerja yang tidak pernah membuat tuntutan hendaklah menganggap caruman mereka disumbangkan kepada pekerja yang ditimpa kemalangan, keilangan dan kematian. Dengan lain perkataan mereka telah membantu kepada balu, duda dan anak yatim jika kematian ibu atau bapa termasuk kepada ibu bapa dan adik bagi kes kematian seorang anak.
3. Kementerian Sumber Manusia tidak bercadang untuk memulangkan sebahagian daripada caruman kepada pekerja yang tidak ditimpa kemalangan atau bencana sebagai '*non-claim bonus*' kerana dana PERKESO bukanlah suatu '*saving fund for old age*' dan jika ianya dilaksanakan akan memberi implikasi kewangan kepada

PERKESO dan kemampuan dana untuk membiayai skim-skim sedia ada pada masa hadapan.